

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld.5 (24)
Tarikh : **31** Mac 2023

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 2/2023

PEMAKLUMAN CAJ BAHARU PENILAIAN PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN BERDASARKAN PENGALAMAN TERDAHULU BAGI TUJUAN KEMASUKAN (APEL.A) DAN TEMPOH SAH LAKU SIJIL APEL.A

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling MQA Bil. 1/2023 – Garis Panduan Amalan Baik: Pengakreditan Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Terdahulu Bagi Tujuan Kemasukan (APEL.A) dan Pengakreditan Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Terdahulu untuk Micro-credentials (APEL.M) [Guidelines to Good Practices (GGP): APEL.A and APEL.M] bertarikh 17 Januari 2023.

2. Untuk makluman, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah menetapkan caj baharu bagi penilaian APEL.A ke program peringkat Sijil (Tahap 3) hingga peringkat Kedoktoran (Tahap 8) Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) kepada calon APEL.A selaras dengan pelaksanaan GGP: APEL.A and APEL.M tersebut. Penetapan caj baharu pembayaran oleh calon kepada Pusat Penilaian APEL (PPA) APEL.A adalah seperti di **Lampiran**.

3. Pelaksanaan caj baharu bagi penilaian APEL.A telah ditetapkan seperti berikut:

BIL.	TARIKH KUATKUASA	PERKARA
1.	1 April 2023	<p>i. Pematuhan terhadap penetapan caj baharu bagi penilaian APEL.A T-5 (Diploma Lanjutan), APEL.A T-7 (Ijazah Sarjana - secara Penyelidikan sahaja) dan APEL.A T-8 (Kedoktoran).</p> <p>ii. Pematuhan terhadap penetapan Caj Pemprosesan yang perlu dibayar oleh PPA APEL.A kepada MQA di awal proses penilaian terhadap semua calon bagi semua tahap permohonan APEL.A.</p>

BIL.	TARIKH KUATKUASA	PERKARA
		iii. Penilaian bagi APEL.A selain daripada tahap yang dinyatakan di para (i) di atas adalah menggunakan kadar caj sedia ada sehingga 31 Disember 2023.
2.	1 Januari 2024	<p>Semua penilaian APEL.A [APEL T-3 (Sijil) hingga APEL T-8 (Kedoktoran)] perlu mematuhi penetapan caj baharu.</p> <p>Nota: Penilaian APEL.A T-3 (Sijil), APEL.A T-4 (Diploma), APEL.A T-6 (Ijazah Sarjana Muda) dan APEL.A T-7 (Ijazah Sarjana – secara Kerja Kursus dan Campuran) perlu mula menggunakan kadar caj baharu.</p>

4. Maklumat mengenai penetapan caj baharu ini boleh dirujuk dalam Portal APEL.A, <https://www2.mqa.gov.my/portalapela>.

5. Bagi memastikan kredibiliti dan jaminan kualiti pelaksanaan APEL.A, MQA telah menetapkan tempoh sah laku untuk Sijil APEL.A iaitu **5 tahun bermula daripada tarikh makluman rasmi keputusan penilaian APEL.A dikeluarkan kepada calon pelajar oleh MQA**. Namun begitu, bagi individu yang telah memiliki Sijil APEL.A dan keputusan penilaian atau Sijil APEL.A tersebut dikeluarkan **sebelum 1 Januari 2023**, tempoh sah lakunya kini ditetapkan sehingga **31 Disember 2027**. Dengan ketetapan tempoh sah laku ini, individu atau calon pelajar boleh mengemukakan permohonan baharu untuk penilaian APEL.A setelah tempoh sah laku Sijil APEL.A tersebut tamat.

6. Pemberi Pendidikan Tinggi dimohon untuk mengambil perhatian yang sewajarnya mengenai penetapan caj baharu tersebut dalam usaha menyokong pelaksanaan agenda Pembelajaran Sepanjang Hayat di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

"PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



DATU' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

LAMPIRAN

KEMASKINI CAJ TERHADAP CALON PELAJAR BAGI PENILAIAN APEL.A*:

Level	T3 (Certificate)	T4 (Diploma)	T5 (Advanced Diploma)	T6 (Bachelor)/(Graduate Certificate)/(Graduate Diploma)	T7 (Master)/(Postgraduate Diploma)/(Postgraduate Certificate)		T8 (Doctorate)	
					Coursework/ Mixed-mode	Fully research based	Coursework/ Mixed-mode	Fully research based
JUMLAH CAJ	RM240	RM240	RM240	RM370	RM560	RM560	RM750	RM750

CATATAN:

* Caj baharu terhadap calon pelajar bagi penilaian APEL.A T-5 (Diploma Lanjutan), APEL.A T-7 (Ijazah Sarjana - secara Penyelidikan sahaja) dan APEL.A T-8 (Kedoktoran) **mula berkuat kuasa mulai 1 April 2023**. Pengenaan caj baharu bagi semua tahap penilaian berkuat kuasa sepenuhnya pada **1 Januari 2024**.

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8
Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
4. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
5. YBrs. Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar dan Penyelidikan
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 3, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
6. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
7. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR

8. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR
9. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaya
Aras 9, Bangunan Canseleri
50603 W.P KUALA LUMPUR
10. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Awam (JKTNCRA-UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Kebangsaan Malaysia
Aras 6, Bangunan Canseleri
43600 BANGI SELANGOR
11. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
P.O. Box 10
50728 W.P. KUALA LUMPUR
12. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pendaftar
International Medical University (IMU)
No. 126, Jalan Jalil Perkasa 19
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR
13. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1
Bandar Baru Nilai 1
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN
14. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR

15. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR

16. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st-3rd Floor
85, Jalan Gaya
88000 KOTA KINABALU, SABAH

17. Presiden
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College of
Advance Technology Sarawak
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya
93350 KUCHING, SARAWAK